

19/11/1997

Sokongan padu komponen BN beri isyarat jelas

KUALA LUMPUR, Selasa - Sokongan padu pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan isyarat jelas kepada Kongres Amerika Syarikat supaya jangan campur tangan dalam urusan pentadbiran negara ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pendirian teguh itu menunjukkan pucuk pimpinan parti komponen menyokong penuh Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN dan Perdana Menteri.

"Tindakan ahli Kongres itu memang menimbulkan rasa marah terhadap rakyat Malaysia kerana ia adalah satu bentuk serangan yang menyentuh maruah kita," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno berkata, Kongres Amerika seolah-olah ingin menyuruh rakyat negara ini mengikut telunjuknya dengan meminta Dr Mahathir meletak jawatan dan meminta maaf kepadanya.

"Jika rakyat marah, saya rasa tindakan itu wajar dan saya sendiri hairan jika usul Kongres itu tidak menjadi kemarahan rakyat Malaysia," katanya.

"BN menyokong falsafah dan cita-cita negara untuk mewujudkan perpaduan di antara kaum dengan sikap bertolak ansur," katanya.

Beliau mengulas pendirian Dewan Tertinggi BN yang mengulangi sokongan mereka terhadap PM dan menyesali tindakan 34 ahli Kongres Amerika yang mahukan Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan berikutan kenyataannya yang dianggap anti-Yahudi.

Walaupun Perdana Menteri sudah menjelaskan beliau tidak pernah menyelar Yahudi tetapi hanya terhadap George Soros yang kebetulan seorang Yahudi, Kongres Amerika masih tidak berpuas hati dengan penjelasan itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata, tindakan ahli Kongres Amerika itu boleh merendahkan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Bagaimanapun, saya harap keadaan akan bertukar menjadi baik, terutama membabitkan soal perdagangan," katanya sambil menekankan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas mempengerusikan mesyuarat dewan itu sebagai menyeluruh dan 'harus dibanggakan'.

Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula menyifatkan ahli Kongres Amerika Syarikat terlalu emosi kerana masing-masing mempunyai agenda politik tersendiri.

"Kita menganggap kenyataan itu tidak baik dan akan mempertahankan hubungan antara kedua-dua negara. Ini bukan rakyat Malaysia menentang rakyat Amerika Syarikat.

"Tetapi kita hanya menentang orang yang hanya mahu main politik dalam Kongres Amerika Syarikat dengan menggunakan sentimen perkauman dan agama," katanya.

Persiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, pula berkata Kongres Amerika tidak berhak mengadakan sebarang resolusi terhadap Malaysia dengan meminta Dr Mahathir meletak jawatan.

"Mereka tidak menghormati prinsip demokrasi kerana Dr Mahathir dipilih oleh rakyat Malaysia dan bukan rakyat Amerika," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas, berkata Dr Mahathir seorang pemimpin yang bukan saja adil dan saksama tetapi juga bercakap bagi rantau Asia Pasifik dan Dunia Ketiga mengenai isu yang membabitkan perbuatan tidak adil dan tidak betul.

(END)